

---

**RETORIK PERIBAHASA: ANALISIS SKEMA TROPE**

---

Effendy Ahmadi  
Sekolah Menengah First Toa Payoh

**Abstrak**

Keindahan bahasa bukanlah sesuatu yang mudah untuk digarap oleh seseorang apatah lagi seorang pelajar. Definisi keindahan itu sendiri lebih bersifat subjektif justeru menyukarkan lagi untuk menjelaskan definisi keindahan bahasa. Kajian ini telah dijalankan untuk membantu menjelaskan kepada para pelajar akan nilai keindahan dari perspektif ilmu retorik (skema dan trope). Lebih dari itu, kajian ini telah memperkenalkan satu kaedah untuk para pelajar gunakan untuk memberi penilaian mereka sendiri akan sesuatu keindahan bahasa. Pengkaji telah menggunakan senarai peribahasa Melayu sebagai bahan kajian. Peribahasa juga merupakan salah satu komponen dalam peperiksaan nasional Singapura. Melalui analisis kuantitatif yang telah dijalankan, secara purata, setiap peribahasa yang dikaji mengandungi sekurang-kurangnya satu unsur trope dan dua unsur skema. Hal ini memperlihatkan nilai keindahan dalam bahasa yang dimaksudkan.

## **Pengenalan**

Keindahan bahasa bukanlah sesuatu perkara yang mudah untuk diperjelaskan kepada masyarakat umum apatah lagi para pelajar. Oleh kerana sifat subjektifnya, memberikannya satu pendefinisian adalah suatu proses yang amat sukar.

Retorik ialah ilmu tentang penggunaan bahasa secara efektif lagi berkesan demi mencapai tujuan-tujuan seperti pembujukan, pemberitahuan dan perdebatan. Dalam ilmu retorik, gaya yang ditekankan dalam fakulti rekaciptanya, memainkan peranan yang penting dalam sesebuah karya lisan atau tulisan kerana ia mampu menambahkan keberkesanan penyampaiannya.

Corbett (1971) seterusnya mengemukakan aspek skema dan trope yang menjadi antara unsur yang penting dalam gaya bahasa. Skema dan trope inilah yang memberikan makna keindahan kepada peribahasa Melayu yang dikaji.

## **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:

1. memperlihatkan kehadiran skema dan trope dalam peribahasa Melayu;
2. menghasilkan kaedah untuk memperlihatkan 'keindahan' bahasa secara objektif atau kuantitatif; dan
3. memberi penilaian kualitatif terhadap dapatan daripada kajian kuantitatif yang telah dijalankan.

## **Pemasalahan Kajian**

Peribahasa merupakan salah sebuah komponen dalam peperiksaan nasional baik di Peringkat Biasa (*'Ordinary' atau*

Normal (Akademik). Dalam pelajar mempersiapkan diri untuk komponen ini, mereka lebih menghafal makna sesebuah peribahasa daripada menghayati makna atau nilai yang terkandung di dalamnya. Tambahan lagi, peribahasa itu sendiri semakin atau sudah pun lenyap dari bibir masyarakat Melayu sendiri. Justeru, penghayatan akan makna peribahasa semakin menipis di kalangan masyarakat Melayu apatah lagi para pelajar.

Di antara punca masalah ini ialah ketidakupayaan para pelajar untuk menghargai nilai keindahan yang amat kaya dalam peribahasa. Selama ini, nilai keindahan yang ditegaskan di dalam bilik darjah lebih tertumpu pada makna peribahasa sahaja yang lebih berunsur subjektif. Tambahan lagi, konsep keindahan peribahasa tidak disampaikan dengan cara yang lebih mudah untuk para pelajar fahami. Hal ini menyebabkan para pelajar kurang menunjukkan minat dan menghayati akan nilai keindahan peribahasa lantas menghafal makna peribahasa sekadar untuk peperiksaan semata.

## **Kajian Lepas**

Banyak kajian telah dijalankan terhadap peribahasa. Zaitul Azma (2011) menumpukan perhatiannya terhadap aspek makna dan nilai masyarakat Melayu dalam peribahasa mereka. Ahmad Fuad (2009) juga telah menyentuh tentang nilai masyarakat Melayu dan pemikiran mereka dalam kertas kerjanya. Di peringkat sarjana, Mohd Najib (2004) menjadikan nilai akhlak masyarakat Melayu sebagai tumpuan kajiannya sementara Alias Sidek (1999) memperlihatkan penglihatan dunia dari perspektif masyarakat Melayu melalui peribahasanya.

Daripada senarai contoh yang disebutkan, aspek keindahan peribahasa lebih tertumpu kepada aspek makna atau yang bersifat etnografi – pemikiran, akhlak dan *world view* masyarakat Melayu. Namun, kajian-kajian yang disebutkan bukan mudah untuk digarap oleh seseorang pelajar menengah

apatah lagi apabila mengkaitkan aspek keindahan peribahasa. Selain memerlukan daya fikiran yang tinggi, dapatan kajian masih lagi bersifat subjektif dari perspektif seorang pelajar.

Dalam bidang retorik pula, peribahasa kurang diberikan perhatian. Lelaman *Pendeta* Universiti Malaya menunjukkan bahawa di antara bahan yang menjadi perhatian ialah karya dakwah berbaur politik (Norrodzoh, 2010 dan Mohamad Zain, 2009), iklan (Siti Saniah, 2009) dan penulisan kewartawanan (Nor Azuwan, 2009). Satu-satunya kajian yang telah dijalankan terhadap peribahasa dengan menggunakan ilmu retorik ialah tesis hasil Effendy (2004) yang mengkaji skema dan trope peribahasa Melayu.

## **Kaedah Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan. Kaedah analisis kuantitatif digunakan untuk melihat peratusan kekerapan penggunaan unsur-unsur skema dan trope berdasarkan Model Corbett (1971). Kaedah analisis kualitatif digunakan untuk memberikan tafsiran atas dapatan yang terhasil dari analisis kuantitatif.

## **Subjek Kajian**

Subjek kajian ialah senarai peribahasa yang dipetik secara rawak daripada dua buah buku iaitu,

1. *Peribahasa Untuk KBSM*, karya Mohd Tajuddin Hj Abdul Rahman dan Rahman Shaari. Buku ini diterbitkan oleh Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd (1997), dan
2. *Perian Basa*, karya Md Said Hj Suleiman. Buku ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1991)

Menurut pendefinisian Za'ba (1965:165), peribahasa adalah susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama. Perkataan-perkataan yang digunakan amat bijak, sedap didengar dan luas dan benar tujuannya.

Terdapat sebanyak 90 kuntum peribahasa dalam senarai subjek kajian dan jenis-jenis yang terkandung di dalamnya adalah bidalan, ibarat, kiasan, perbilang, pepatah, perumpamaan, simpulan bahasa, tamsil dan ungkapan semasa (Lihat Lampiran 1).

### Instrumen Kajian

Kajian ini tertumpu pada bidang retorik. Plato (427SM – 347SM), dalam bukunya yang bertajuk *Phaedrus*, mendefinisikan retorik sebagai seni untuk memenangi atau mempengaruhi jiwa (Zarina, 2003:38). Cicero (106SM – 43SM) pula mengatakan bahawa retorik adalah seni pembujukan yang berkesan (Fadilah, 2001:106). Corbett (1971:3) memberikan definisi retoriknya sebagai seni atau disiplin yang menggunakan wacana untuk memberitahu, memujuk atau mengalihkan pendapat audiens.

Melalui definisi-definisi yang diberikan, selain daripada tujuan pembujukan, satu perkara yang sama dapat dikesan di antara definisi-definisi tersebut ialah penggunaan bahasa sebagai alat untuk membujuk. Bahasa yang digunakan dalam retorik berkemampuan untuk membujuk audiens untuk tujuan yang dikehendaki oleh penggunanya.

Untuk menambahkan keberkesanan bahasa yang digunakan, gaya memainkan peranan yang amat penting dalam ilmu retorik. Keris Mas (1990:3) mendefinisikan gaya sebagai ujaran yang di luar kelaziman. Rahman Shaari (1993:xii) menyatakan bahawa gaya merupakan metode-

metode penggunaan bahasa yang dipilih untuk menambahkan keberkesanan.

Dalam Model Corbett (1971), beliau mengetengahkan skema dan trope sebagai unsur-unsur dalam gaya. Skema memperlihatkan bentuk atau susunan kata di luar kelaziman aturan tatabahasa. Trope melibatkan permainan atau pengubahsuaian pada makna asal sesebuah atau serangkaian perkataan.

Berikut adalah penerangan bagi unsur-unsur skema dan trope yang akan dikaji kehadirannya dalam peribahasa Melayu.

a. Skema

a.i. Asonansi (S1)

Asonansi merujuk kepada perulangan huruf atau bunyi vokal dalam serangkaian kata. Skema jenis ini tergolong dalam golongan Skema Perulangan. Perulangan huruf atau bunyi ini boleh berlaku di bahagian depan, tengah ataupun akhir sesebuah perkataan. Contohnya,

*Had Gray written off thus, it had been vain to  
blame and useless to praise him.*

(Corbett, 1971:472)

Dalam tatabahasa Bahasa Melayu, terdapat enam vokal asli iaitu [a], [e] pepet, [e] taling, [i], [o] dan [u].

a.ii. Elipsis (S2) – Pengguguran

Skema ini adalah salah satu jenis skema dalam golongan Skema Pengguguran. Skema ini melibatkan pengguguran unsur-unsur tatabahasa tertentu secara sengaja dan hal ini dimaklumi atau difahami bersandarkan konteks penggunaan. Contohnya,

***Rape is the sexual sin of the mob, [rape is] adultery of the bourgeoisie, and [rape is] incest of the aristocracy.***

(Corbett, 1971:469)

a.iii. Pararelisme (S3)

Paralelisme tergolong dalam golongan Skema Seimbang yang memperlihatkan persamaan struktur tatabahasa seperti kata dan frasa. Skema Seimbang juga memperlihatkan keseimbangan dalam idea atau lebih jelasnya perertentangan makna, yang hadir dalam serangkai kata. Paralelisme lebih tertumpu pada keseimbangan dalam struktur tatabahasa. Contohnya,

*He tried to make the law **clear, precice and equitable.***

(Corbett, 1971:463)

b. Trope

b.i. Metafora (T1)

Metafora merujuk kepada dua objek yang berlainan sifat atau sikap tetapi masih mempunyai persamaan dalam aspek-aspek tertentu. Persamaan ini wujud secara implisit atau tersembunyi. Contohnya,

*The question of federal aid to parochial schools **is a bramble patch.***

(Corbett, 1971:479)

b.ii. Simili (T2)

Metafora dan simili mempunyai hubungan definisi yang sangat rapat. Simili juga merujuk kepada dua objek yang berlainan sifat atau sikap tetapi masih mempunyai persamaan dalam aspek-aspek tertentu. Namun, persamaan ini wujud secara eksplisit atau dengan jelas. Tambahan lagi, simili ditandai dengan perkataan seperti *like* atau dalam bahasa Melayu, perkataan-perkataan seperti *bak*, *umpama*, *seperti*. Contohnya,

*Silence settled down over the audience **like a block of granite.***

(Corbett, 1971:479)

### b.iii. Sinekdote (T3)

Sinekdote merujuk kepada perkataan-perkataan atau ungkapan-ungkapan yang digunakan untuk mewakili keseluruhan perkara atau idea yang hendak disampaikan. Contohnya,

***Sail** for ships, **hands** for helpers, **roof** for houses.*

(Corbett, 1971:479)

## Prosedur Kajian

Setiap peribahasa dalam senarai akan dikaji kehadiran unsur-unsur skema dan trope yang telah dibincangkan. Sila lihat Lampiran 2 untuk melihat dapatan kajian secara terperinci. Berikut adalah contoh-contoh unsur-unsur skema dan trope yang hadir dalam peribahasa.

### Skema

Contoh-contoh asonansi (S1) yang hadir adalah seperti berikut,

B7 **Manusia punya asa**  
**Tuhan punya kuasa**



P1 **Alah bisa tegal biasa**  
**Alah adat tegal muafakat**

Pp5 **Ikut suka luka**  
**Ikut hati mati**  
**Ikut rasa binasa**

Contoh-contoh elipsis yang hadir adalah seperti berikut,

B5 Kais pagi makan pagi,  
kais petang makan petang

> **[Jika kita]** Kais **[pada waktu]** pagi **[kita akan]** makan **[pada waktu]** pagi,  
> **[jika kita]** kais **[pada waktu]** petang **[kita akan]** makan **[pada waktu]** petang

T1 **Macam orang berjudi,**  
**Kalah hendak berbalas**  
**Menang hendak lagi**

> **Macam orang berjudi,**  
> **[apabila mereka]** kalah **[mereka]** hendak balas  
> **[tetapi apabila mereka]** menang **[mereka]** hendak lagi

K9 **Bagai dihiris dengan sembilu**

> **Bagai [tubuh]** dihiris dengan sembilu

Contoh-contoh pararelisme (S3) yang hadir adalah seperti berikut,

Pu2 **Harimau mati meninggalkan belang,**  
**Manusia mati meninggalkan nama**

> Jumlah perkataan sebaris = 4 patah

> Jumlah suku kata sebaris = 12

I1 Ibarat burung  
Mata terlepas  
Badan terkurung

> Jumlah perkataan sebaris = 2 patah

> Jumlah suku kata sebaris = 5

P2 Bertangga naik  
Berjinjang turun

> Jumlah perkataan sebaris = 2 patah

> Jumlah suku kata sebaris = 5

## Trope

Contoh-contoh metafora (T1) yang hadir adalah seperti berikut,

B2 **Diam-diam** ubi berisi, **diam-diam** besi berkarat

Pu8 **Pucuk** dicita, **ulam** mendatang

S2 **Embun jantan**

Contoh-contoh simile (T2) yang hadir adalah seperti berikut,

I3 **Ibarat bunga**, sedap dipakai, layu dibuang

K3 **Laksana tanduk berseri gading**

K10 **Seperti tikus jatuh ke beras**

Contoh-contoh sinekdote (T3) yang hadir adalah seperti berikut,

B9 **Ringan** tulang, **berat** tulang

P6 **Kecil** jangan disangka **anak**, **besar** jangan disangka **bapak**

Pu **Harimau** mati meninggalkan **belang**  
**Manusia** mati meninggalkan **nama**

### Dapatan Kajian

Dapatan analisis kuantitatif menunjukkan bahawa jumlah kehadiran unsur skema jauh lebih besar daripada unsur trope – 149 unsur skema (66%) dan 78 unsur trope (34%).

**Rajah 1 : Kekerapan kehadiran Skema dan Trope secara keseluruhan**

	S1	S2	S3	Jum	T1	T2	T3	Jum
Bidalan	10	8	3	12	2	0	5	7
Ibarat	10	7	1	13	0	10	3	13
Kiasan	10	2	0	10	0	10	1	11
Perbilangan	10	8	5	25	3	0	4	7
Pepatah	10	7	3	12	4	0	3	7
Perumpamaan	10	5	6	18	3	0	5	8
Simpulan Bahasa	8	0	0	8	10	0	0	10
Tamsil	10	8	3	21	4	1	3	8
Ungkapan Semasa	5	0	0	5	7	0	0	7
Jumlah	83	45	21	149	33	21	24	78
%	56	30	14	100	42	27	31	100
% Keseluruhan (227)	37	20	9	66	15	9	10	34

Rajah 1 memperlihatkan jumlah-jumlah ini. Secara kasar, dalam setiap peribahasa yang dikaji, terkandung di dalamnya dua unsur skema dan satu unsur trope.

Jumlah kehadiran unsur asonansi (S1) merupakan jumlah unsur skema yang terbesar hadir dalam peribahasa – 37%. Asonansi adalah perulangan vokal dalam serangkaian perkataan. Perkara yang ditonjolkan di sini ialah aspek bunyian dan aspek bunyian inilah yang memperlihatkan keindahan lahiriah peribahasa. Keindahan lahiriah ini boleh ditanggapi oleh daya panca indera seseorang khususnya pendengaran. Za'ba akur akan hal ini dalam definisi peribahasanya,

*...segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ... kerana sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya, maka ia digunakan sebagai bandingan, tauladan dan pengajaran.*

(1965:165)

Kehadiran unsur bunyian seperti asonansi membuatkan peribahasa sedap didengar dan oleh itu mampu menyejukkan perasaan audiens apabila diucapkan lebih-lebih lagi jika peribahasa tersebut digunakan untuk tujuan menyindir. Pendapat ini mendapat sokongan Clifford dan Swettenham (C.C.Brown, 1989:x) yang mengatakan bahawa bahasa Melayu (termasuk komponen peribahasa) mampu menampakkan betapa '*sopan dan biadap, biadap dalam erti kata memperkatakan sesuatu yang buruk dengan cara yang paling sopan*'. Sopan yang dimaksudkan di sini merangkumi bunyian yang mengiringi penyebutan peribahasa yang lembut dan bermelodi (Effendy, 2004:117).

Unsur elipsis (S2) yang hadir dalam peribahasa menonjolkan sifat keringkasan berbahasa dalam masyarakat Melayu. Namun, dalam meringkaskan kata-kata mereka, maksud yang ingin disampaikan masih lagi jelas kerana pengguguran hanya berlaku kepada perkataan-perkataan yang kurang membawa maksud pada peribahasa tersebut. Contohnya,

B10 Sesal dahulu pendapatan,  
sesal kemudian tidak berguna

> **[Jika kita]** Sesal dahulu **[kita akan kehilangan]**  
pendapatan,

> **[tetapi jika kita]** sesal kemudian **[ia]** tidak **[akan]**  
berguna

C.C. Brown menyifatkan orang-orang Melayu sebagai bijak berbahasa kerana menurutnya, peribahasa mampu menegur kesilapan dan memuji kebaikan dengan menggunakan kata-kata yang ringkas daripada 'kata-kata yang panjang berjela-jela' (1989:xi).

Dalam meringkaskan kata dalam peribahasa, timbul unsur paralelisme (S3). Unsur ini memperlihatkan akan ketelitian masyarakat Melayu dalam mencapai keseimbangan walau dalam kata-kata mereka. Contohnya

**B1 Berani kerana benar  
Takut kerana salah**

> Jumlah suku kata sebaris = 3

I1 Ibarat burung

**Mata terlepas**

**Badan terkurung**

> Jumlah perkataan sebaris = 2 patah

> Jumlah suku kata sebaris = 5

Selain keseimbangan pada jumlah perkataan dan suku kata, peribahasa-peribahasa di atas juga memperlihatkan unsur antitesis iaitu penyusunan idea yang bertentangan dalam satu urutan (Corbett, 1971;465) – *takut* dan *berani*, *benar* dan *salah*, dan *terlepas* dan *terkurung*.

Bagi trope, metafora (T1) membentuk jumlah unsur yang terbesar sebanyak 15%. Metafora merujuk kepada

perbandingan di antara dua perkara yang mempunyai sifat yang berbeza namun masih terdapat keserupaan pada aspek-aspek tertentu baik secara jelas mahupun secara tersembunyi. Oleh kerana metafora mampu menyembunyikan perasaan dan pemikiran sebenar, ia mampu meredakan perbalahan dan kesilapan diperbetul dengan cara yang paling diplomatik (C.C.Brown, 1989:ix). Hal ini juga dapat diaplikasikan pada simili. Contohnya,

**I3 Ibarat bunga,**  
Sedap dipakai, layu dibuang

**K5** Bagai lembu dicucuk hidung

Ibarat dan kiasan di atas bertujuan untuk menegur perbuatan atau sifat seseorang. Namun begitu, penggunaan simili dapat menyembunyikan teguran langsung yang berkemungkinan akan menimbulkan rasa kurang senang pada pihak yang ditegur. Jika ini berlaku, hubungan kedua belah pihak akan terjejas. Maka itu, unsur simili digunakan untuk menjauhkan kesan-kesan negatif dan lebih diterima sebagai satu nasihat dan bukan sindiran atau teguran.

Sinekdote merujuk kepada penggunaan bahagian-bahagian kecil sesuatu perkara sebagai wakil atau perlambangan perkara tersebut. Dengan melakukan begitu, seperti metafora dan simili, unsur sinekdote mampu menyembunyikan perkara sebenar yang hendak disampaikan.

## **Kesimpulan**

Kajian ini berjaya memperlihatkan akan nilai estetik peribahasa yang amat tinggi melalui kehadiran unsur-unsur skema dan trope. Kajian ini juga memperlihatkan betapa penghasilan seuntai kata yang sedap bunyinya, seimbang dalam kata dan padat dengan makna yang dalam bukanlah satu proses yang mudah. Ternyata, manusia Melayu yang

menghasilkan peribahasa bukan sekadar seseorang yang pakar dalam bahasanya tetapi juga berfikiran kritikal sehinggakan peribahasa yang terhasil masih lagi mampu mendukung maknanya hingga hari ini. Dengan itu juga, keindahan peribahasa Melayu terserlah. Ismet Fanany berpendapat bahawa,

*...one of the many uses of proverbs is as an aesthetic device in speech as well as written.*

(1965:165)

Peribahasa, yang sememangnya mempunyai nilai estetik yang tinggi, mampu mempertingkatkan nilai estetika sesebuah bahasa lisan atau tulisan.

Selain daripada itu, perkara yang hendak ditonjolkan di sini ialah kaedah yang digunakan dalam kajian untuk mengkaji kehadiran skema dan trope boleh diperkenalkan kepada para pelajar sekolah menengah (Sila lihat Rajah 1). Tujuannya adalah supaya para pelajar dapat membuat penilaian mereka sendiri secara kuantitatif atau objektif akan keindahan peribahasa. Keindahan bahasa tidak lagi diperlihat melalui penjelasan demi penjelasan yang lebih bersifat subjektif dan lebih tertumpu kepada aspek permaknaan semata. Apabila para pelajar dapat melihat nilai keindahan peribahasa secara konkrit, diharap ia dapat menimbulkan minat untuk membina pemahaman mereka terhadap peribahasa lantas menggunakannya dalam bahasa penulisan dan lisan mereka.

Seperkara lagi, pembelajaran dan pengajaran peribahasa secara alternatif ini tidak secara langsung memperkenalkan para pelajar kepada aspek kajian bahasa yang mampu memberikan para pelajar perspektif yang baru terhadap ilmu bahasa khususnya Bahasa Melayu – Bahasa Melayu bukan sekadar matapelajaran yang memberatkan penulisan dan lisan. Dengan itu, diharap akan terlahir pengkaji-pengkaji bahasa

yang akan memartabatkan Bahasa Melayu dan meletakkan Bahasa Melayu di persada antarabangsa.

## Rujukan

Ahmad Fuad Mat Hassan (2009). 'Nilai dan pemikiran dalam peribahasa Melayu'. Kertas kerja dalam *Seminar Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu (Ke-V : 17-18 Nov 2009 : Kuala Lumpur)*. Fakulti Bahasa Moden, Universiti Putra Malaysia, 2009,13-21

Alias Sidek (1999). Penglihatan dunia orang Melayu dalam peribahasa. Disertasi, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Brown. C.C., (1989). *Malay Sayings*. Singapura: Graham Bash

Corbett, Edward P.J., (1971). *Classical Rhetoric For The Modern Student*. Edisi 2. New York : Oxford University Press

D'Angelo, Frank J., (1975). *A Conceptual Theory Of Rhetoric*. Edisi 2. New York : Oxford University Press

Effendy Ahmadi (2004) 'Retorik peribahasa Melayu: analisis skema dan trope', Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Fadilah Isnin (2002). 'Retorik Lagu Melayu Dakwah: Analisis Retorik Paling Luas', Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Harun Mat Piah (1997). *Pusi Melayu Tradisional: Satu*



*Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Md Said Hj Suleiman (1991). *Perian Basa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (1991)

Mohamad Zain Dolah (2009). 'Retorik pengucapan khutbah Jumaat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur'. Tesis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohd. Najib Hashim (2004). 'Nilai akhlak dalam peribahasa Melayu: satu analisis terhadap bab dua teks Tikaman Bahasa', Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Mohd Tajuddin Hj Abdul Rahman dan Rahman Shaari (1997). *Peribahasa Untuk KBSM*. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd

Nor Azuwan Yaakob (2009). 'Kiasan dalam retorik penulisan kewartawanan: memartabatkan bangsa dan tamadun Melayu'. Kertas kerja dalam *Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu (31 Mei - 3 Jun 2009 : Beijing, China)*

Norrodzoh Haji Siren (2010). 'Penulisan dakwah: kajian retorik terhadap teks ucapan dasar ABIM dan PAS'. Tesis. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Rahman Shaari (1993). *Kesinambungan Sastera Melayu : Puisi dan Prosa*. Kuala Lumpur, Karya Bistari Sdn Bhd.

Siti Saniah Abu Bakar (2009). 'Retorik homomim dalam korpus iklan'. Kertas kerja dalam *Seminar Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu (Ke-V : 17-18 Nov 2009 : Kuala Lumpur)*. Fakulti Bahasa Moden, Universiti Putra Malaysia, 534-540.

Zainal Abidin Bin Ahmad (Za'ba) (1962). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zarina Ibrahim (2003). Retorik Iklan : Unsur pisteis dan figur yang mendokongnya dalam iklan cetak (Majalah Wanita 2000-2002) Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011). *Peribahasa Melayu : penelitian makna & nilai*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

## Lampiran 1 : Senarai Peribahasa

### i. Bidalan

Bidalan juga dikenali sebagai 'kata orang tua-tua' atau madah pujangga. Bidalan bertujuan melahirkan fikiran yang tepat dan tajam dan terkandung di dalamnya nasihat, kata-kata hikmat, pengajaran, teladan dan perbandingan.

#### Senarai Bidalan

No	Item
B1	Berani kerana benar, takut kerana salah
B2	Diam-diam ubi berisi, diam-diam penggali berkarat
B3	Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
B4	Jika hati tak suka, madu diminum terasa cuka
B5	Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang
B6	Kalau bukan rezeki, di mulut pun lari keluar
B7	Manusia punya asa, Tuhan punya kuasa
B8	Sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit
B9	Ringan tulang, berat perut
B10	Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna

### ii. Ibarat

Ibarat adalah sejenis bahasa kiasan yang selalunya dimulakan dengan perkataan 'ibarat'. Tujuannya ialah supaya makna yang didukung oleh sebuah ibarat menjadi lebih jelas kepada pendengar.

#### Senarai Ibarat

No	Item
I1	Ibarat burung, Mata terlepas, adan terkurung
I2	Ibarat air laut, Ada kalanya pasang, ada kalanya surut
I3	Ibarat bunga, Sedap dipakai, layu dibuang
I4	Ibarat api, Kecil-kecil menjadi kawan, sudah besar menjadi lawan
I5	Ibarat sumbu pelita, Membakar diri untuk menerangi orang lain
I6	Ibarat rumput tengah jalan, Hidup tak hendak, mati tak mahu
I7	Ibarat mentimun dengan durian, Menggelek luka, kena gelek luka
I8	Ibarat seligi, Tikam hujung, pangkal mengena
I9	Ibarat labah-labah,

	Meramu dalam badan sendiri
I10	Ibarat orang kaya, Teriak di kiri di kanan menyahut, Teriak di kanan di kiri menyahut

### iii. Kiasan

Kiasan adalah susunan kata yang ringkas yang menggunakan sesebuah subjek alam sebagai alat perbandingan terhadap perlakuan manusia. Lazimnya, kiasan dimulakan dengan perkataan khusus seperti *bak*, *laksana*, *bagai*, *umpama* dan *seperti*.

#### Senarai Kiasan

No	Item
K1	Laksana bulan dipagar bintang
K2	Laksana halilintar membelah bumi
K3	Laksana tanduk berseri gading
K4	Bagai katak bawah tempurung
K5	Bagai lembu dicucuk hidung
K6	Bagai menatang minyak yang penuh
K7	Seperti cacing kepanasan
K8	Seperti belut pulang ke lumpur
K9	Seperti dihiris dengan sembilu
K10	Seperti tikus jatuh ke beras

### iv. Perbilangan

Perbilangan juga disebut sebagai perbilangan adat, gurindam adat, teromba dan terasul. Tujuan perbilangan lebih tertumpu kepada undang-undang masyarakat dan adat khususnya adat pepatih.

#### Senarai Perbilangan

No	Item
P1	Alah bisa tegal biasa, Alah adat tegal muafakat
P2	Bertangga naik, berjinjang turun
P3	Cicir dipungut, hilang dicari
P4	Datang nampak muka, pergi nampak belakang
P5	Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah
P6	Kecil jangan disangka anak, Besar jangan disangka bapak
P7	Mengaji daripada alif, membilang daripada sa Sakit bermula, mati bersebab Hujan berpokok, kata berpangkal
P8	Lemah menampis, condong menumpang
P9	Raja bernobat di dalam alam, Penghulu bernobat di dalam luak,

	Ibu bapa bernobat kepada anak buah, Orang banyak bernobat di dalam terataknya
P10	Siapa menjala, siapa terjun, Siapa berhutang, siapa membayar, Siapa bersalah, siapa bertimbang, Siapa membunuh, siapa dibunuh

#### v. Pepatah

Perbezaan di antara pepatah dan bidalan amatlah tipis. Isi bidalan lebih bersifat teladan dan pengajaran sementara pepatah mengkaitkan sifat-sifat itu dengan aspek adat, peraturan dan hukum iaitu hukum adat pepatih.

#### Senarai Pepatah

No	Item
Pp1	Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk
Pp2	Berjalan pelihara kaki, bercakap pelihara lidah
Pp3	Direndam tak basah, dibakar tak hangus
Pp4	Hitam-hitam taik minyak dimakan juga, Putih-putih hampas kelapa dibuang
Pp5	Ikut suka luka, ikut hati mati, ikut rasa binasa
Pp6	Labu tak melata ke hulu, Kundur tak menjalar ke hilir
Pp7	Lain padang, lain belalang, Lain lubuk, lain ikan, Lain negeri, lain adatnya
Pp8	Sayang emak sayang sahaja, Sayang bapak menambah harta, Sayang saudara semasa ada
Pp9	Sekali jalan terkena, Dua kali jalan tahu, Tiga kali jalan mengena
Pp10	Yang teguh disokong, yang rebah ditindih

#### vi. Perumpamaan

Perumpamaan mempunyai kaitan yang rapat dengan kiasan. Sesebuah perumpamaan lazimnya terhasil daripada kiasan. Seperti kiasan, objek-objek alam semesta dan kejadian-kejadian semula jadi dijadikan alat perbandingan kepada perilaku-perilaku manusia dalam perumpamaan.

#### Senarai Perumpamaan

No	Item
Pu1	Cakap siang pandang-pandang, Cakap malam dengar-dengar
Pu2	Harimau mati meninggalkan belang, Manusia mati meninggalkan nama

Pu3	Itik tak patuk, ayam tak sudu
Pu4	Jauh panggang dari api
Pu5	Malas bergarit, perut perit
Pu6	Masuk kandang kambing mengembek Masuk kandang kerbau menguak
Pu7	Siapa makan lada, dialah yang terasa
Pu8	Pucuk dicita, ulam mendatang
Pu9	Kalau kail panjang sejengkal, Lautan dalam jangan diduga
Pu10	Dianjak layu, dialih mati

### vii. Simpulan Bahasa

Secara teknikal, penghasilan simpulan bahasa sama seperti kata majmuk di mana dua patah perkataan yang mempunyai makna dasar yang tidak berkaitan digabungkan untuk menghasilkan makna yang baru dan berbeza dari makna dasarnya. Jelasnya, makna simpulan bahasa lebih bersifat tersurat daripada tersirat.

#### Senarai Simpulan Bahasa

No	Item
S1	Alas perut
S2	Embun jantan
S3	Hangat-hangat tahi ayam
S4	Jinak-jinak merpati
S5	Kecil hati
S6	Kucing bertanduk
S7	Penyapu baru
S8	Telinga kualiti
S9	Pukul curi
S10	Buah fikiran

### viii. Tamsil

Seperti jenis-jenis peribahasa yang lain, tamsil berfungsi sebagai alat pengajaran dan nasihat. Tamsil merupakan kiasan yang dikembangkan melalui kata dan makna. Tamsil juga boleh terhasil melalui penggabungan jenis-jenis peribahasa yang lain seperti pepatah, bidalan dan simpulan bahasa.

#### Senarai Tamsil

No	Item
T1	Macam orang berjudi, Kalah hendak balas, menang hendak lagi
T2	Lelar-lelar timba di perigi, Sekali-sekali takkan putus
T3	Kalau tak ada angin meniup, Takkan daun bergoyang
T4	Bahan bacaan adalah makanan rohani dan fikiran,

	Pilihlah yang sesuai untuk mengenyangkannya
T5	Bekerjalah seperti akan hidup selama-lamanya, Beribadatlh seperti akan mati pada esoknya
T6	Hidup pokok berbuah, hidup manusia berjasa
T7	Ikut hukum meniat daging, Sakit pada kita, sakitlah pada orang
T8	Ikutlah resmi penyu, bertelur seribu, tak seorang pun tahu Jangan ikut resmi ayam, bertelur sebiji, riuh sekampung
T9	Perpustakaan adalah gedung ilmu Selamilah ia untuk mendapatkan mutiara
T10	Sebagai cahaya pada mata, begitulah ilmu pada hati

#### ix. Ungkapan Semasa

Ungkapan semasa terhasil mengikut perkembangan bahasa Melayu yang pesat. Selaras dengan itu, kerap terdapat kehadiran kata-kata pinjaman dalam sesebuah ungkapan semasa.

#### Senarai Ungkapan Semasa

No	Item
U1	Boleh dibilang dengan jari
U2	Ketinggalan zaman
U3	Publisiti murah
U4	Titik hitam
U5	Kertas kerja
U6	Jurucakap
U7	Taklid buta
U8	Percaturan politik
U9	Panduan telefon
U10	Warganegara

## Lampiran 2 : Analisis Skema dan Trope

### A. Skema

#### A.i. Asonansi (S1)

No	Item
1	B1 Berani kerana benar, takut kerana salah
2	B2 Diam-diam ubi berisi, diam-diam penggali berkarat
3	B3 Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
4	B4 Jika hati tak suka, madu diminum terasa cuka
5	B5 Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang
6	B6 Kalau bukan rezeki, di mulut pun lari keluar
7	B7 Manusia punya asa, Tuhan punya kuasa
8	B8 Sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit
9	B9 Ringan tulang, berat perut
10	B10 Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna
11	I1 Ibarat burung, Mata terlepas, badan terkurung
12	I2 Ibarat air laut, Ada kalanya pasang, ada kalanya surut
13	I3 Ibarat bunga, Sedap dipakai, layu dibuang
14	I4 Ibarat api, Kecil-kecil menjadi kawan, sudah besar menjadi lawan
15	I5 Ibarat sumbu pelita, Membakar diri untuk menerangi orang lain
16	I6 Ibarat rumput tengah jalan, Hidup tak hendak, mati tak mahu
17	I7 Ibarat mentimun dengan durian, Menggelek luka, kena gelek luka
18	I8 Ibarat seligi, Tikam hujung, pangkal mengena
19	I9 Ibarat labah-labah, Meramu dalam badan sendiri
20	I10 Ibarat orang kaya, Teriak di kiri di kanan menyahut, Teriak di kanan di kiri menyahut
21	K1 Laksana bulan dipagar bintang
22	K2 Laksana halilintar membelah bumi
23	K3 Laksana tanduk berseri gading
24	K4 Bagai katak bawah tempurung
25	K5 Bagai lembu dicucuk hidung
26	K6 Bagai menatang minyak yang penuh
27	K7 Seperti cacing kepanasan
28	K8 Seperti belut pulang ke lumpur
29	K9 Seperti dihiris dengan sembilu
30	K10 Seperti tikus jatuh ke beras
31	P1 Alah bisa tegal biasa,



		<b>Alah adat tegal muafakat</b>
32	P2	Bertangga naik, berjinjang turun
33	P3	Cicir dipungut, hilang dicari
34	P4	Datang nampak muka, pergi nampak belakang
35	P5	Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah
36	P6	Kecil jangan disangka anak, Besar jangan disangka bapak
37	P7	Mengaji daripada alif, membilang daripada sa Sakit bermula, mati bersebab Hujan berpokok, kata berpangkal
38	P8	Lemah menampis, condong menumpang
39	P9	Raja bernobat di dalam alam, Penghulu bernobat di dalam luak, Ibu bapa bernobat kepada anak buah, Orang banyak bernobat di dalam terataknya
40	P10	Siapa menjala, siapa terjun, Siapa berhutang, siapa membayar, Siapa bersalah, siapa bertimbang, Siapa membunuh, siapa dibunuh
41	Pp1	Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk
42	Pp2	Berjalan pelihara kaki, bercakap pelihara lidah
43	Pp3	Direndam tak basah, dibakar tak hangus
44	Pp4	Hitam-hitam taik minyak dimakan juga, Putih-putih hampas kelapa dibuang
45	Pp5	Ikut suka luka, ikut hati mati, ikut rasa binasa
46	Pp6	Labu tak melata ke hulu, Kundur tak menjalar ke hilir
47	Pp7	Lain padang, lain belalang, Lain lubuk, lain ikan, Lain negeri, lain adatnya
48	Pp8	Sayang emak sayang sahaja, Sayang bapak menambah harta, Sayang saudara semasa ada
49	Pp9	Sekali jalan terkena, Dua kali jalan tahu, Tiga kali jalan mengena
50	Pp10	Yang teguh disokong, yang rebah ditindih
51	Pu1	Cakap siang pandang-pandang, Cakap malam dengar-dengar
52	Pu2	Harimau mati meninggalkan belang, Manusia mati meninggalkan nama
53	Pu3	Itik tak patuk, ayam tak sudu
54	Pu4	Jauh panggang dari api
55	Pu5	Malas bergarit, perut perit
56	Pu6	Masuk kandang kambing mengembek Masuk kandang kerbau menguak
57	Pu7	Siapa makan lada, dialah yang terasa
58	Pu8	Pucuk dicita, ulam mendatang
59	Pu9	Kalau kail panjang sejengkal,

		Lautan dalam jangan diduga
60	Pu10	Dianjak layu, dialih mati
61	S3	Hangat-hangat tahi ayam
62	S4	Jinak-jinak merpati
63	S5	Kecil hati
64	S6	Kucing bertanduk
65	S7	Penyapu baru
66	S8	Telinga kualiti
67	S9	Pukul curi
68	S10	Buah fikiran
69	T1	Macam orang berjudi, Kalah hendak balas, menang hendak lagi
70	T2	Lelar-lelar timba di perigi, Sekali-sekali takkan putus
71	T3	Kalau tak ada angin meniup, Takkan daun bergoyang
72	T4	Bahan bacaan adalah makanan rohani dan fikiran, Pilihlah yang sesuai untuk mengenyangkannya
73	T5	Bekerjalah seperti akan hidup selama-lamanya, Beribadatlah seperti akan mati pada esoknya
74	T6	Hidup pokok berbuah, hidup manusia berjasa
75	T7	Ikut hukum menyiat daging, Sakit pada kita, sakitlah pada orang
76	T8	Ikutlah resmi penyu, bertelur seribu, tak seorang pun tahu Jangan ikut resmi ayam, bertelur sebiji, riuh sekampung
77	T9	Perpustakaan adalah gedung ilmu Selamilah ia untuk mendapatkan mutiara
78	T10	Sebagai cahaya pada mata, begitulah ilmu pada hati
79	U1	Boleh dibilang dengan jari
80	U2	Ketinggalan zaman
81	U4	Titik hitam
82	U5	Kertas kerja
83	U7	Taklid buta

#### A.ii. Pengguguran (S2)

No	Item
1	B1 Berani kerana benar, takut kerana salah  <b>[Kita patut]</b> Berani kerana <b>[berlaku]</b> benar, <b>[tetapi]</b> <b>[Kita harus]</b> takut kerana <b>[berlaku]</b> salah
2	B3 Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih  <b>[Kalau]</b> hendak <b>[sesuatu akan dicuba]</b> seribu daya [tetapi] <b>[kalau]</b> tidak hendak <b>[sesuatu akan diberi]</b> seribu alasan
3	B4 Jika hati tak suka, madu diminum terasa cuka  Jika hati <b>[kita sudah]</b> tak suka, madu diminum <b>[akan]</b> terasa cuka

4	B5	Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang  <b>[Jika kita]</b> Kais <b>[pada waktu]</b> pagi <b>[kita akan]</b> makan <b>[pada waktu]</b> pagi, <b>[jika kita]</b> kais <b>[pada waktu]</b> petang <b>[kita akan]</b> makan <b>[pada waktu]</b> petang
5	B6	Kalau bukan rezeki, di mulut pun lari keluar  Kalau <b>[memang sudah]</b> bukan rezeki <b>[kita]</b> , di mulut pun <b>[ia akan]</b> lari keluar
6	B8	Sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit  <b>[Jika kita menimbus tanah]</b> Sedikit-sedikit, lama-lama <b>[ia akan]</b> jadi bukit
7	B9	Ringan tulang, berat perut  <b>[Jika kita]</b> Ringan tulang, <b>[kita akan]</b> berat perut
8	B10	Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna  <b>[Jika kita]</b> Sesal dahulu <b>[kita akan kehilangan]</b> pendapatan, <b>[tetapi jika kita]</b> sesal kemudian <b>[ia]</b> tidak <b>[akan]</b> berguna
9	I1	Ibarat burung, mata terlepas, badan terkurung  Ibarat burung, mata <b>[nya]</b> terlepas, <b>[tetapi]</b> badan <b>[nya]</b> terkurung
10	I3	Ibarat bunga, sedap dipakai, layu dibuang  Ibarat bunga, <b>[semasa ia]</b> sedap <b>[ia]</b> dipakai <b>[orang]</b> , <b>[tetapi jika ia]</b> layu <b>[ia]</b> dibuang
11	I4	Ibarat api, <b>[semasa]</b> kecil-kecil <b>[ia]</b> menjadi kawan, <b>[tetapi jika ia]</b> sudah besar <b>[ia]</b> menjadi lawan
12	I6	Ibarat rumput tengah jalan, hidup tak hendak, mati tak mahu  Ibarat rumput <b>[di]</b> tengah jalan, hidup tak hendak, <b>[tetapi]</b> mati <b>[pun ia]</b> tak mahu
13	I7	Ibarat mentimun dengan durian, menggelek luka, kena gelek luka  Ibarat mentimun dengan durian, <b>[apail durian]</b> menggelek <b>[mentimun, menimun akan]</b> luka, <b>[tetapi jika mentimun]</b> kena gelek <b>[mentimun juga yang]</b> luka
14	I8	Ibarat seligi, tikam <b>[di]</b> hujung, <b>[tetapi]</b> pangkal <b>[yang]</b> mengena  Ibarat seligi, tikam hujung, pangkal mengena
15	I10	Ibarat orang kaya, Teriak di kiri di kanan menyahut, Teriak di kanan di kiri menyahut  Ibarat orang kaya, <b>[apabila]</b> Teriak di <b>[sebelah]</b> kiri di <b>[sebelah]</b> kanan menyahut, <b>[dan apabila]</b> Teriak di <b>[sebelah]</b> kanan di <b>[sebelah]</b> kiri <b>[pula yang]</b> menyahut

16	K6	Bagai menatang minyak yang penuh Bagai <b>[kita]</b> menatang minyak yang penuh
17	K9	Seperti dihiris dengan sembilu Seperti <b>[tubuh]</b> dihiris dengan sembilu
18	P1	Alah bisa tegal biasa, Alah adat tegal muafakat <b>[kita akan]</b> Alah bisa tegal biasa, <b>[dan kita juga akan]</b> Alah adat tegal muafakat
19	P2	Bertangga naik, berjinjang turun <b>[kita harus]</b> bertangga <b>[semasa]</b> naik <b>[dan kita mesti]</b> berjinjang <b>[semasa]</b> turun.
20	P3	Cicir dipungut, hilang dicari <b>[apabila barang kita]</b> cicir <b>[kita akan]</b> pungut <b>[apabila barang kita]</b> hilang <b>[ia harus]</b> dicari
21	P4	Datang nampak muka, pergi nampak belakang <b>[Semasa seseorang]</b> Datang <b>[kita akan]</b> nampak muka <b>[nya]</b> , <b>[tetapi jika seseorang itu]</b> pergi <b>[kita akan]</b> nampak belakang <b>[nya]</b>
22	P5	Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah <b>[Semasa kita]</b> Hidup <b>[kita akan]</b> dikandung adat, <b>[tetapi apabila kita]</b> mati <b>[kita akan]</b> dikandung tanah
23	P6	Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapak <b>[Tubuh yang]</b> Kecil jangan disangka anak, <b>[sementara tubuh yang]</b> besar <b>[pula]</b> jangan disangka bapak
24	P7	Mengaji daripada alif, membilang daripada sa Sakit bermula, mati bersebab, Hujan berpokok, kata berpangkal <b>[Apabila kita]</b> Mengaji <b>[kita mula]</b> daripada alif, <b>[dan a[abila kita]</b> membilang <b>[kita mula]</b> daripada sa <b>[Setiap]</b> Sakit bermula, <b>[dan setiap]</b> mati bersebab, <b>[Setiap]</b> Hujan berpokok, <b>[dan setiap]</b> kata berpangkal
25	P8	Lemah menampis, condong menumpang <b>[Jika kita]</b> Lemah <b>[kita]</b> menampis, <b>[dan jika kita]</b> condong <b>[kita]</b> menumpang
26	Pp1	Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk Bawa resmi padi, makin <b>[ia]</b> berisi makin <b>[ia]</b> tunduk
27	Pp2	Berjalan pelihara kaki, bercakap pelihara lidah <b>[Semasa]</b> Berjalan pelihara kaki <b>[anda, dan semasa]</b> bercakap pelihara lidah <b>[anda]</b>
28	Pp3	Direndam tak basah, dibakar tak hangus

		<b>[Apabila]</b> direndam <b>[ia]</b> tak basah <b>[dan apabila]</b> dibakar, <b>[ia]</b> tak hangus
29	Pp5	Ikut suka luka, ikut hati mati, ikut rasa binasa  <b>[Jika kita]</b> Ikut suka <b>[kita akan]</b> luka, <b>[Jika kita]</b> ikut hati <b>[kita akan]</b> mati, <b>[dan]</b> <b>[jika kita]</b> ikut rasa <b>[kita akan]</b> binasa
30	Pp7	Lain padang, lain belalang, Lain lubuk, lain ikan, Lain negeri, lain adatnya  <b>[Di]</b> Lain padang, <b>[terdapat]</b> lain belalang, <b>[Di]</b> Lain lubuk, <b>[terdapat]</b> lain ikan, <b>[Di]</b> Lain negeri, lain <b>[pula]</b> adatnya
31	Pp9	Sekali jalan terkena, Dua kali jalan tahu, Tiga kali jalan mengena  <b>[Semasa saya]</b> Sekali jalan <b>[saya]</b> terkena <b>[perangkap orang]</b> , <b>[Setelah saya]</b> Dua kali jalan <b>[saya]</b> tahu, <b>[Pada]</b> Tiga kali jalan <b>[saya pula]</b> mengena <b>[orang lain]</b>
32	Pp10	Yang teguh disokong, yang rebah ditindih  <b>[Pihak]</b> Yang teguh disokong, <b>[tetapi pihak]</b> yang rebah ditindih
33	Pu1	Cakap siang pandang-pandang, Cakap malam dengar-dengar  <b>[Ketika kita]</b> Cakap <b>[pada waktu]</b> siang <b>[kita harus]</b> pandang-pandang, <b>[Ketika kita]</b> Cakap <b>[pada waktu]</b> malam <b>[kita harus]</b> dengar-dengar
34	Pu4	Jauh panggang dari api  Jauh panggang <b>[ini]</b> dari api <b>[nya]</b>
35	Pu5	Malas bergarit, perut perit  <b>[Jika kita]</b> Malas bergarit, perut <b>[kita akan terasa]</b> perit
36	Pu6	Masuk kandang kambing mengembek Masuk kandang kerbau menguak  <b>[Apabila kita]</b> Masuk <b>[ke dalam]</b> kandang kambing <b>[kita perlu]</b> mengembek <b>[Apabila kita]</b> Masuk <b>[ke dalam]</b> kandang kerbau <b>[kita perlu]</b> menguak
37	Pu10	Dianjak layu, dialih mati  <b>[Jika]</b> Dianjak <b>[ia akan]</b> layu, <b>[dan jika]</b> dialih <b>[ia akan]</b> mati
38	T1	Macam orang berjudi, Kalah hendak balas, menang hendak lagi  Macam orang berjudi, <b>[apabila mereka]</b> kalah <b>[mereka]</b> hendak

		balas <b>[tetapi apabila mereka]</b> menang <b>[mereka]</b> hendak lagi
39	T4	Bahan bacaan adalah makanan rohani dan fikiran, Pilihlah yang sesuai untuk mengenyangkannya  Bahan bacaan adalah makanan rohani dan fikiran, Pilihlah <b>[bacaan/makanan]</b> yg sesuai untuk mengenyangkannya
40	T5	Bekerjalah seperti akan hidup selama-lamanya, Beribadatlh seperti akan mati pada esoknya  <b>[Kamu]</b> Bekerjalah seperti <b>[kamu]</b> akan hidup selama-lamanya, <b>[tetapi]</b> Beribadatlh seperti <b>[kamu]</b> akan mati pada esoknya
41	T6	Hidup pokok berbuah, hidup manusia berjasa  Hidup pokok <b>[untuk]</b> berbuah, <b>[dan]</b> hidup manusia <b>[untuk]</b> berjasa
42	T7	Ikut hukum menyiat daging, Sakit pada kita, sakitlah pada orang  <b>[Kita harus]</b> Ikut hukum menyiat daging, <b>[jika]</b> Sakit pada kita, sakitlah <b>[juga]</b> pada orang
43	T8	Ikutlah resmi penyu, bertelur seribu, tak seorang pun tahu Jangan ikut resmi ayam, bertelur sebiji, riuh sekampung  <b>[Kita harus]</b> Ikutlah resmi penyu, <b>[walaupun ia]</b> bertelur seribu, tak seorang pun tahu Jangan <b>[pula]</b> ikut resmi ayam, <b>[baru]</b> bertelur sebiji, riuh sekampung
44	T9	Perpustakaan adalah gedung ilmu Selamilah ia untuk mendapatkan mutiara  Perpustakaan adalah gedung ilmu <b>[untuk manusia]</b> <b>[Kita]</b> Selamilah ia untuk mendapatkan mutiara <b>[yang terkandung di dalamnya]</b>
45	T10	Sebagai cahaya pada mata, begitulah ilmu pada hati  Sebagai cahaya pada mata <b>[kita]</b> , begitulah ilmu pada hati <b>[kita juga]</b>

### A.iii. Paralelisme (S1)

No	Item
1	B1 <b>Berani kerana benar, takut kerana salah</b>
2	B3 <b>Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih</b>
3	B7 <b>Manusia punya asa, Tuhan punya kuasa</b>
4	I8 Ibarat seligi, <b>Tikam hujung, pangkal mengena</b>
5	P1 <b>Alah bisa tegal biasa, Alah adat tegal muafakat</b>

6	P4	<b>Datang nampak muka, pergi nampak belakang</b>
7	P7	<b>Mengaji daripada alif, membilang daripada sa Sakit bermula, mati bersebab Hujan berpokok, kata berpangkal</b>
8	P9	<b>Raja bernobat di dalam alam, Penghulu bernobat di dalam luak, Ibu bapa bernobat kepada anak, Orang banyak bernobat di dalam terataknya</b>
9	P10	<b>Siapa menjala, siapa terjun, Siapa berhutang, siapa membayar, Siapa bersalah, siapa bertimbang, Siapa membunuh, siapa dibunuh</b>
10	Pp5	<b>Ikut suka luka, ikut hati mati, ikut rasa binasa</b>
11	Pp7	<b>Lain padang, lain belalang, Lain lubuk, lain ikan, Lain negeri, lain adatnya</b>
12	Pp9	<b>Sekali jalan terkena, Dua kali jalan tahu, Tiga kali jalan mengena</b>
13	Pu2	<b>Harimau mati meninggalkan belang, Manusia mati meninggalkan nama</b>
14	Pu3	<b>Itik tak patuk, ayam tak sudu</b>
15	Pu5	<b>Malas bergarit, perut perit</b>
16	Pu6	<b>Masuk kandang kambing mengembek Masuk kandang kerbau menguak</b>
17	Pu8	<b>Pucuk dicita, ulam mendatang</b>
18	Pu10	<b>Dianjak layu, dialih mati</b>
19	T1	Macam orang berjudi, <b>Kalah hendak balas, menang hendak lagi</b>
20	T6	<b>Hidup pokok berbuah, hidup manusia berjasa</b>
21	T7	Ikut hukum menyiat daging, <b>Sakit pada kita, sakitlah pada orang</b>

## B. Trope

### B.i. Metafora (T1)

No	Item
1	B2 <b>Diam-diam</b> ubi berisi, <b>diam-diam</b> penggali berkarat
2	B9 <b>Ringan tulang, berat perut</b>
3	P5 Hidup <b>dikandung</b> adat, mati <b>dikandung</b> tanah
4	P8 Lemah <b>menampis</b> , condong <b>menumpang</b>
5	P9 Raja bernobat di dalam alam, Penghulu bernobat di dalam luak, Ibu bapa bernobat kepada <b>anak buah</b> , Orang banyak bernobat di dalam terataknya

6	Pp1	<b>Bawa</b> resmi padi, makin berisi makin tunduk
7	Pp2	Berjalan <b>pelihara kaki</b> , bercakap <b>pelihara lidah</b>
8	Pp4	<b>Hitam-hitam taik minyak</b> dimakan juga, <b>Putih-putih hampas kelapa</b> dibuang
9	Pp6	Labu tak melata <b>ke hulu</b> , Kundur tak menjalar <b>ke hilir</b>
10	Pu1	Cakap siang <b>pandang-pandang</b> , Cakap malam <b>dengar-dengar</b>
11	Pu4	<b>Jauh panggang dari api</b>
12	Pu8	<b>Pucuk</b> dicita, <b>ulam</b> mendatang
13	S1	<b>Alas perut</b>
14	S2	<b>Embun jantan</b>
15	S3	<b>Hangat-hangat tahi ayam</b>
16	S4	<b>Jinak-jinak merpati</b>
17	S5	<b>Kecil hati</b>
18	S6	<b>Kucing bertanduk</b>
19	S7	<b>Penyapu baru</b>
20	S8	<b>Telinga kualiti</b>
21	S9	<b>Pukul curi</b>
22	S10	<b>Buah fikiran</b>
23	T4	Bahan bacaan adalah <b>makanan rohani dan fikiran</b> , Pilihlah yang sesuai untuk mengenyangkannya
24	T7	Ikut <b>hukum menyalat daging</b> , Sakit pada kita, sakitlah pada orang
25	T8	Ikutlah <b>resmi penyau</b> , bertelur seribu, tak seorang pun tahu Jangan ikut <b>resmi ayam</b> , bertelur sebiji, riuhi sekampung
26	T9	Perpustakaan adalah <b>gedung</b> ilmu <b>Semilam</b> ia untuk mendapatkan <b>mutiara</b>
27	U2	<b>Ketinggalan zaman</b>
28	U3	<b>Publisiti murah</b>
29	U4	<b>Titik hitam</b>
30	U5	<b>Kertas kerja</b>
31	U7	<b>Taklid buta</b>
32	U8	<b>Percaturan politik</b>
33	U9	<b>Panduan telefon</b>

### B.ii. Simili (T2)

No	Item
1	I1 <b>Ibarat</b> burung, Mata terlepas, adan terkurung
2	I2 <b>Ibarat</b> air laut, Ada kalanya pasang, ada kalanya surut
3	I3 <b>Ibarat</b> bunga, Sedap dipakai, layu dibuang
4	I4 <b>Ibarat</b> api, Kecil-kecil menjadi kawan, sudah besar menjadi lawan
5	I5 <b>Ibarat</b> sumbu pelita, Membakar diri untuk menerangi orang lain



6	I6	<b>Ibarat</b> rumput tengah jalan, Hidup tak hendak, mati tak mahu
7	I7	<b>Ibarat</b> mentimun dengan durian, Menggelek luka, kena gelek luka
8	I8	<b>Ibarat</b> seligi, Tikam hujung, pangkal mengena
9	I9	<b>Ibarat</b> labah-labah, Meramu dalam badan sendiri
10	10	<b>Ibarat</b> orang kaya, Teriak di kiri di kanan menyahut, Teriak di kanan di kiri menyahut
11	K1	<b>Laksana</b> bulan dipagar bintang
12	K2	<b>Laksana</b> halilintar membelah bumi
13	K3	<b>Laksana</b> tanduk berseri gading
14	K4	<b>Bagai</b> katak bawah tempurung
15	K5	<b>Bagai</b> lembu dicucuk hidung
16	K6	<b>Bagai</b> menatang minyak yang penuh
17	K7	<b>Seperti</b> cacing kepanasan
18	K8	<b>Seperti</b> belut pulang ke lumpur
19	K9	<b>Seperti</b> dihiris dengan sembilu
20	K10	<b>Seperti</b> tikus jatuh ke beras
21	T1	<b>Macam</b> orang berjudi, Kalah hendak balas, menang hendak lagi

### B.iii. Sinekdot (T3)

No	Item
1	B4 Jika <b>hati</b> tak suka, madu diminum terasa cuka
2	B5 Kais <b>pagi</b> makan <b>pagi</b> , kais <b>petang</b> makan <b>petang</b>
3	B6 Kalau bukan rezeki, di <b>mulut</b> pun lari keluar
4	B7 <b>Manusia</b> punya asa, <b>Tuhan</b> punya kuasa
5	B9 Ringan <b>tulang</b> , berat <b>perut</b>
6	I1 Ibarat burung, <b>Mata</b> terlepas, <b>badan</b> terkurung
7	I5 Ibarat sumbu pelita, Membakar diri untuk menerangi <b>orang lain</b>
8	I10 Ibarat orang kaya, Teriak di kiri <b>di kanan</b> menyahut, Teriak di kanan <b>di kiri</b> menyahut
9	K8 Seperti belut pulang <b>ke lumpur</b>
10	P4 Datang nampak <b>muka</b> , pergi nampak <b>belakang</b>
11	P5 Hidup dikandung adat, mati dikandung <b>tanah</b>
12	P6 <b>Kecil</b> jangan disangka anak, <b>Besar</b> jangan disangka bapak
13	P9 Raja bernobat di dalam <b>alam</b> , Penghulu bernobat di dalam luak, Ibu bapa bernobat kepada anak buah, <b>Orang banyak</b> bernobat di dalam terataknya
14	Pp2 Berjalan pelihara <b>kaki</b> , bercakap pelihara <b>lidah</b>

15	Pp8	Sayang emak sayang sahaja, Sayang bapak menambah <b>harta</b> , Sayang saudara semasa ada
16	Pp10	<b>Yang teguh</b> disokong, <b>yang rebah</b> ditindih
17	Pu1	Cakap <b>siang</b> pandang-pandang, Cakap <b>malam</b> dengar-dengar
18	Pu2	<b>Harimau</b> mati meninggalkan <b>belang</b> , Manusia mati meninggalkan nama
19	Pu5	Malas bergarit, <b>perut</b> perit
20	Pu6	Masuk <b>kandang kambing</b> mengembek Masuk <b>kandang kerbau</b> menguak
21	Pu8	<b>Pucuk</b> dicita, <b>ulam</b> mendatang
22	T7	Ikut hukum menyiat daging, Sakit pada kita, sakitlah pada <b>orang</b>
23	T8	Ikutlah resmi penyu, bertelur seribu, tak seorang pun tahu Jangan ikut resmi ayam, bertelur sebiji, riu <b>sekampung</b>
24	T9	Perpustakaan adalah <b>gedung</b> ilmu Selamilah ia untuk mendapatkan mutiara